

01 OCT 1999

AGONG UTUS UCAP TAHNIAH KEPADA JERMAN

KUALA LUMPUR, 1 Okt (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Jerman Johannes Rau sempena Hari Perpaduan negara itu.

Seri Paduka berdua mengutus tahniah dan ucap selamat kepada Presiden Rau dan berharap Jerman serta rakyatnya akan terus menikmati keamanan dan kemakmuran.

Menurut satu kenyataan Kementerian Luar hari ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut menghantar perutusan tahniah kepada Canselor Gerhard Schroeder menyuarakan keyakinan bahawa hubungan antara kedua-dua buah negara akan terus diperkukuhkan pada tahun-tahun mendatang terutama dalam bidang perdagangan dan pelaburan.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar juga menghantar perutusan yang sama kepada rakan sejawatannya Joschka Fisher.

-- BERNAMA
NHA LAT RON